



## **Kebangkitan Semula Fahaman Politik Berbilang Kaum Melalui Slogan '*Sabah for Sabahan*' di Sabah**

**Romzi Ationg<sup>1</sup>, Mohd. Sohaimi Esa<sup>1</sup>, Mohd Azri Ibrahim<sup>1</sup>, Jualang Azlan Gansau<sup>1</sup>,  
 Andreas Totu<sup>1</sup>, Irma Wani Othman<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Romzi Ationg ([mrationg@ums.edu.my](mailto:mrationg@ums.edu.my))

### **Abstrak**

Artikel ini membentangkan perbincangan tentang kebangkitan semula fahaman politik berbilang kaum di Sabah melalui slogan '*Sabah for Sabahan*'. Adalah didapati bahawa selepas beberapa dekad berhadapan dengan isu perkauman, Sabah semakin memahami hakikat bahawa mempolitikkan perbezaan etnik hanya akan membawa kepada kehancuran. Keadaan ini didapati sebagai kesan kepada penggunaan slogan "*Sabah for Sabahan*". Oleh itu, slogan tersebut wajar dianggap sebagai salah satu faktor penting dalam proses perkembangan atau juga kebangkitan semula ideologi politik berbilang etnik di Sabah. Dalam erti kata yang lain, artikel ini telah menunjukkan bahawa perubahan ciri politik dalam masyarakat yang dicirikan oleh kepelbagaiannya boleh dilakukan melalui penciptaan dan penggunaan meluas slogan politik khusus yang sangat signifikan dengan kehendak serta keperluan semasa penduduk dalam sesebuah unit pentadbiran seperti kampung, bandar dan negara.

**Kata Kunci:** Sabah, fahaman politik, berbilang kaum, slogan politik

### **The Rise of Multiracial Political Ideology through the Slogan '*Sabah for Sabahan*' in Sabah**

### **Abstract**

This paper presents an analysis on the resurgence of multiethnic political ideology in Sabah through the slogan of '*Sabah for Sabahan*'. It is found that after several decades of dealing with racial issues, Sabah is increasingly understanding the fact that politicizing ethnic differences will only lead to destruction. This situation was found to be an effect on the use of the slogan "*Sabah for Sabahan*". Therefore, the slogan should be considered as one of the important factors in the process of development or the resurgence of multi-ethnic political ideology in Sabah. In other words, this paper has shown that changes in political characteristics in a society characterized by diversity can be done through the creation and widespread use of specific political slogans that are very significant with the current needs and needs of the population in an administrative unit such as village, city and country

**Keywords:** Sabah, political ideology, multiethnic, political slogan

## Pengenalan

Sabah adalah wilayah dalam gagasan Persekutuan Malaysia yang diduduki oleh masyarakat pelbagai etnik (Romzi, 2017; Mohd. Sohaimi & Romzi, 2020a; Mohd. Sohaimi & Romzi, 2020b; Mohd Sohaimi & Romzi, 2020c). Adalah dianggarkan bahawa Sabah dihuni oleh sekurang-kurangnya 42 kumpulan etnik yang menuturkan lebih daripada 50 bahasa dan tidak kurang daripada 80 dialek. Daripada jumlah ini, sebanyak 39 kumpulan etnik dikategorikan sebagai etnik peribumi yang merangkumi sejumlah 2,203,500 orang atau 60% daripada keseluruhan penduduk Sabah yang dianggarkan berjumlah 3,736,600 pada tahun 2016 (IWGIA, 2016). IWGIA juga melaporkan bahawa bersama-sama dengan kumpulan etnik pribumi ini, terdapat tiga kumpulan etnik yang berbeza yang dikategorikan sebagai bukan peribumi dan ia berjumlah 1,533,100 orang atau 40% daripada jumlah penduduk Sabah pada tahun yang sama. Umumnya etnik pribumi utama di Sabah dikatakan terdiri daripada etnik Kadazandusun, Bajau dan Melayu–Brunei. Manakala kumpulan etnik bukan peribumi adalah seperti orang Cina dan lain-lain (biasanya merujuk kepada kumpulan individu dari etnik yang berasal dari negara Indonesia dan Filipina) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2015).

Dalam hal ini, Barlocco mendapati bahawa kategori etnik ini tidak wujud di Sabah sebelum kehadiran penjajah apabila beliau menegaskan bahawa tiada kategori sosial yang merujuk kepada kumpulan etnik “*before the establishment of outside control over the area*” (Barlocco, 2014). Hal ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa masyarakat ‘asli’ atau ‘penduduk terawal di Sabah’, sebagaimana menurut Mohamad (1977) tidak pernah menjadi satu unit sosial yang signifikan melebihi had sebuah kampung sahaja yang berpopulasi kecil diantara 50 hingga 100 orang sahaja dan mereka biasanya terdiri daripada saudara-mara (Barlocco, 2014, Boulanger, 2009; Luping, 1985). Oleh itu, pengelasan etnik tidaklah penting kerana mereka lebih berminat mengekalkan ikatan kekeluargaan yang kuat dan hidup secara harmoni tanpa adanya keperluan untuk membezakan antara satu dengan yang lain (Boulanger, 2009; Robinson, Karlin & Stiles, 2013; Tarmudi, Saibin, Naharu & Tamsin, 2014).

Namun demikian, kedatangan Islam menerusi pedagang Muslim dari Sulawesi, Indonesia ke Sabah pada akhir abad ke-15 telah membawa kepada wujudnya pentadbiran secara formal atau juga kawalan sosio-politik yang dikenali sebagai kesultanan Brunei. Pembentukan kesultanan Brunei di Sabah seterusnya membawa kepada permulaan kepentingan perbezaan latar belakang sosial dalam kalangan penduduk asli. Ini kerana, kesultanan Brunei dalam usahanya memusatkan kawalan pentadbiran seluruh Borneo Utara telah memperkenalkan beberapa kategori sosial berdasarkan Islam dan bukan Islam. Hal ini telah mewujudkan kelompok sosial yang menyerupai kategori etnik yang bercirikan kehidupan sosial penduduk asal di Sabah. Malahan kesultanan Brunei juga telah memperkenalkan istilah Melayu untuk orang asal yang memeluk Islam dan pendatang Islam kerana istilah ini dianggap wajar berikutan hubungan kaitnya yang agak signifikan dengan konsep Islam atau Muslim pada ketika itu (Luping, 1985). Walau bagaimanapun, ramai orang Islam yang gemar melihat diri mereka sebagai Brunei-Melayu (Orang Melayu-Brunei ialah orang asli Muslim yang tinggal di Pantai Barat Borneo Utara) atau Orang Sungai (penduduk asli beragama Islam yang tinggal di sepanjang pesisir pantai di timur Borneo) sahaja untuk tujuan kelangsungan budaya, tradisi dan bahasa melalui hubungan erat dengan ahli komuniti tradisional bukan Muslim mereka (Ali, 2010). Dalam hal ini, mereka sering kali dikaitkan dengan fahaman bahawa mereka bukanlah semata-mata Melayu dalam usaha menjaga hubungan rapat mereka dengan masyarakat tradisional. Dalam masa yang sama bagi mereka konsep Melayu adalah istilah bagi mereka yang tinggal di Tanah Melayu sahaja dan bukan untuk orang asli beragama Islam di Sabah (IWGIA, 2016). Sikap sedemikian juga mempengaruhi pendatang terawal beragama Islam dan diklasifikasikan sebagai pribumi Sabah dari negara-negara jiran seperti Filipina dan Indonesia apabila mereka turut berminat mengidentifikasi diri mereka sebagai Suluk, Sama-Bajau atau Illanun sahaja dan bukannya sebagai orang Melayu (Nimo, 1968; Waren, 1983; Waren 1981; Harisson, 1975).

Disamping keadaan seumpamanya, kesultanan Brunei juga telah memperkenalkan identifikasi sosial bagi masyarakat bukan beragama Islam di Sabah iaitu Dusun (tradisi petani) bagi membezakan asal-usul keperibumian asli dan hakikat bahawa mereka bukanlah menganut agama Islam pada ketika itu. Perkataan Dusun adalah perkataan Melayu yang merujuk kepada ladang dan kebun. Istilah Dusun ini pada dasarnya digunakan oleh kesultanan Brunei untuk menggambarkan kegiatan ekonomi pribumi

bukan beragam Islam sebagai petani yang mengusahakan sawah padi dan ladang padi huma (Glyn-Jones, 1953; Luping, 1985). Identifikasi sosial awal bagi pribumi bukan Muslim ini merangkumi apa yang disebut oleh kesultanan Brunei sebagai Suku Bisaya, Bonggi, Bundu, Dumpas, Gana, Garo, Idaan, Kimaragang, Kolobuan, Kuijau, Labuk, Linkabau, Liwan, Lotud, Lun Bawang, Dayeh, Makiang, Malapi, Mangkaak/Kunatong, Minokok, Murut, Ngabai, Paitan, Pingas, Rumanau, Rungus, Sonobu, Sinorupu, Sonsogon, Sukang, Sungai, Tagahas, Tatana, Tangara, Tidong, Tindal, Tobilung, Tolinting, Tombonuo, Tuhawon dan Tutung (Appell & Harrison, 1968). Sejarah dengan langkah kesultanan Brunei memperkenalkan identifikasi social awal ini maka muncullah kategori masyarakat awal di Sabah yang meliputi Dusun, Melayu-Brunei, Orang Sungai, Melayu, Suluk, Sama-Bajau dan Illanun.

Sekalipun dengan adanya identifikasi sosial awal ini, Scott (2009) dan Barlocco (2014) menegaskan bahawa ianya tidak semestinya menjarakkan hubungan sosial penduduk awal di Sabah pada ketika itu kerana melihat label etnik seseorang sebagai suatu hal yang tidak begitu penting dalam kehidupan mereka. Malahan label etnik tersebut hanya mengakibatkan kekeliruan identiti dalam kalangan penduduk peribumi Sabah (Chee-Beng, 1997). Ini kerana terdapat di antara mereka menganggap diri mereka sebagai Melayu-Brunei, Orang Sungai atau Sama-Bajau kerana mereka beragam Islam. Pada masa yang sama, mereka juga sering mengenalkan diri mereka sebagai Dusun kerana kesamaan dalam bahasa, pakaian, muzik dan lagu, makanan dan minuman, adat atau upacara tradisi semasa kelahiran anak, perkahwinan, kematian, dan hubungan keluarga yang baik (Stephen, 2000). Ini menyebabkan label etnik pada ketika itu tidak penting dalam kehidupan mereka yakni digunakan secara tidak formal sahaja dan tidak terpakai dalam mana-mana urusan rasmi. Ketidakpentingan label dalam kalangan masyarakat awal di Sabah berterusan selepas kerajaan kesultanan Brunei dalam skala yang besar merangkumi Borbeo Utara berakhir berikutan keputusan Sultan Muhyiddin memajakkannya Borneo Utara pada tahun 1877 kepada peniaga Austria iaitu Gustavus von Overback untuk mengatasi masalah lanun (ramai diantaranya adalah Illanun dan Suluk) dan berkemungkinan berlakunya perang saudara. Fenomena ini juga berterusan selepas Overback memindahkan pajakan pada tahun 1881 kepada Alfred Dent Brothers yang mana setelah memperoleh pajakan dari Overback telah membentuk British North Borneo Company (BNBC) dan menamakan Sabah sebagai North Borneo atau Borneo Utara (The Times, 1927, 24 November).

Walau bagaimanapun, pemindahan hak milik Borneo Utara oleh BNBC ke pejabat penjajah Inggeris pada tahun 1945 yang disebabkan oleh pendudukan Jepun di rantau ini mula menjadikan label etnik menjadi semakin penting. Di bawah sistem pemerintahan British yang bersifat '*indirect rule*' maka apa yang dianggap oleh Scott (2009) sebagai '*proper social categories*' mula dijadikan sebagai sesuatu yang signifikan pada sekitar tahun 1946 sebagai salah satu kaedah memudahkan urus tadbir dan kawalan sosial ke atas penduduk Sabah. Dalam hal ini, British memutuskan untuk mewujudkan kategori etnik yang ada sebagai etnik yang sah untuk kegunaan rasmi. Pihak British juga telah memutuskan untuk mengiktiraf pendatang awal Suluk, Sama-Bajau dan Illanun sebagai penduduk pribumi di Borneo Utara. Sehubungan itu, penduduk asal Borneo Utara pada masa ini dan seterusnya dikenali sebagai Dusun, Melayu-Brunei, Orang Sungai, Sama-Bajau, Suluk dan Illanun. Manakala Pendatang dari China dan bahagian-bahagian lain di dunia yang tiba selepas penubuhan pemerintahan kolonial British di Borneo telah dikenal pasti oleh orang Inggeris sebagai orang Cina dan lain-lain tanpa mengambil kira dialek bahasa mereka. In seterusnya menyebabkan etnik Cina dan lain-lain telah dikategorikan sebagai bukan bumiputera di Borneo Utara.

Namun keputusan British untuk mengiktiraf orang-orang Borneo Utara berdasarkan kategori etnik dan pengelasan sosial berdasarkan konsep bumiputera dan bukan bumiputera masih tidak berupaya menjarakkan hubungan sosial penduduk di Sabah pada ketika itu. Ini kerana label etnik pada ketika itu masih bebas dari manipulasi politik oleh ahli politik yang sering bersaing untuk menguasai kepimpinan sesebuah unit pemerintahan atau kerajaan. Hal ini adalah akibat daripada dasar British yang tidak menggalakkan penduduk Borneo Utara membentuk parti-parti politik. Malahan Gabenor Borneo Utara memberi amaran bahawa penubuhan parti politik pada masa tersebut hanya akan membawa kepada perselisihan dalam masyarakat (Milne, 1965). Oleh itu, tidak ada satu pun parti politik yang ditubuhkan di rantau ini pada ketika itu. Keadaan seumpama ini telah menghalang mana-mana label etnik daripada dimanipulasikan oleh ahli-ahli politik untuk kepentingan mereka sendiri. Hasilnya penduduk Sabah

pada awalnya hidup harmoni dengan kecenderungan untuk berkongsi rumah panjang, aktiviti ekonomi dan aktiviti kesenggangan. Oleh sebab itu, pengkaji sosial seperti Tarmundi, Saibin, Naharu dan Tamsin (2014), serta Robinson, Karlin dan Stiles (2013) menggambarkan Borneo Utara sebagai ‘*multicultural paradise*’.

Walau bagaimanapun, perbezaan etnik mula menjadi sesuatu yang penting dalam kalangan penduduk di Sabah di penghujung era kolonial sebagai susulan daripada permulaan penubuhan parti politik yang dirangsang oleh pengumuman pembentukan kesatuan politik sejagat di antara Malaya, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan Brunei bagi membentuk Persekutuan Malaysia pada 27 Mac, 1961 oleh Tunku Abdul Rahman. Hasrat Tunku telah mencetuskan aspirasi para pemimpin Sabah untuk memainkan isu kepentingan label etnik dalam kehidupan sosial mereka sebagai langkah pertama dalam membentuk parti politik berasaskan kaum di Sabah sebagaimana yang ada di Tanah Melayu. Usaha seperti itu bermula apabila kumpulan pribumi bukan Islam yang dipimpin oleh Donald Stephens memperkenalkan label etnik yang dipanggil Kadazan untuk menggantikan Dusun untuk orang bukan Islam pada awal 1961. Penggunaan kata 'Kadazan' sebagaimana yang ditegaskan oleh Reid (1997) merupakan cerminan tuntutan mereka untuk diberikan layanan politik dengan penuh rasa hormat sebagaimana Melayu di Tanah Melayu jika Malaysia ditubuhkan. Dalam hal ini beliau berkata bahawa "Kadazan yang berpendidikan telah menganggap perkataan 'Dusun' sebagai menghina apabila ia merujuk kepada mereka dalam era kolonial. Penggunaan Kadazans sebagai label etnik mereka adalah sebagai tuntutan supaya mereka diberikan layanan dengan penuh hormat seperti kaum-kaum lain di Sabah" (Reid, 1997, ms 127). Sikap dan tuntutan sedemikian turut mempengaruhi para pemimpin kumpulan etnik lain seperti Datu Mustapha Datu Harun (pemimpin Muslim), GS Sundang (pemimpin bukan Islam dari pedalaman Sabah), dan Peter Chin dan Khoo Siak Chiew (orang Cina / bukan asli). Ini terbukti apabila lima buah parti politik utama iaitu Pertubuhan Kebangsaan Kadazan (UNKO), Pertubuhan Kebangsaan United Sabah (USNO), United Pasok Momogun Organization (UPMO), Parti Demokratik (DP) dan Parti Bersatu (UP) dibentuk di Sabah pada akhir tahun 1961 dengan setiap satunya mempunyai ideology politik yang berbeza serta mewakili kumpulan etnik yang turut berbeza (Yusoff, 1999; Mohd Sohaimi, 2011 ).

Sejak itu, perpaduan politik di wilayah ini lebih tertumpu kepada apa yang Tajfel dan Turner (1979) kenali sebagai ‘*us*’ lawan ‘*them*’ iaitu suatu fenomena di mana rakyat berminat untuk mengasingkan diri antara satu sama lain dengan menyelaraskan diri mereka dengan parti politik yang dipimpin oleh seseorang atau sekumpulan individu dari kumpulan etnik mereka sendiri. Walau bagaimanapun, selepas berdekad lamanya bergelumang dengan hal seumpamanya akhirnya beberapa tahun sebelum pilihan raya umum pada 2018 ideologi politik berbilang kaum mula menjadi penting dalam kalangan penduduk Sabah. Hal ini berlaku berikutan peningkatan minat kebanyakan pemimpin politik di Sabah menggunakan slogan "Sabah for Sabahan", khususnya selepas pemecatan Safie Afdal iaitu Menteri Utama dan Timbalan Naib Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) pada 28 Julai 2015. Namun persoalannya iailah bagaimanakah slogan "Sabah for Sabahan" telah menyumbang dalam proses kebangkitan ideologi politik berbilang kaum di Sabah? Makalah ini ditulis bagi tujuan memaparkan bagaimana slogan "Sabah for Sabahan" telah menyumbang kepada kebangkitan ideologi politik berbilang kaum di Sabah.

## **Pendekatan bagi Analisis Peranan 'Sabah for Sabahan' dalam Kebangkitan Ideologi Politik Berbilang Kaum di Sabah**

Dalam usaha menganalisis bagaimanakah slogan 'Sabah for Sabahan' telah menyumbang dalam kebangkitan ideologi politik pelbagai di Sabah, kajian yang menjadi asas kepada penghasilan makalah ini telah menggunakan pendekatan *ethnohistorical* bagi membolehkan penggunaan sejarah dan etnografi serentak dalam menilai proses sedemikian. Keputusan untuk mengguna pakai pendekatan ini didorong oleh hakikat bahawa adalah penting untuk kita memahami sejarah berkaitannya dan dalam masa yang sama menilai bagaimanakah cara hidu penduduk di Sabah pada masa kini serta menonjolkan pandangan politik mereka. Selain itu, pendekatan ini membolehkan kombinasi komponen utama pengumpulan maklumat kajian semasa kerja lapangan di Sabah. Pengumpulan data sejarah dan etnografi diperlukan untuk mencapai pemahaman yang lebih mendalam tentang persoalan kajian yang

diketengahkan dengan pertimbangan khusus terhadap kerumitan proses pembangunan politik di Sabah. Tambahan pula, penggabungan teknik pengumpulan data yang berbeza memberikan peluang untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas (Husung, 2016; Sandelowski, 2000) tentang bagaimana slogan "Sabah for Sabahan" telah memainkan peranannya dalam kebangkitan ideologi politik pelbagai kaum di Sabah. Oleh itu, penggunaan pendekatan *ethnohistorical* dalam usaha menganalisis bagaimana slogan 'Sabah for Sabahan' telah menyumbang kepada kebangkitan ideologi politik berbilang kaum di Sabah yang memerlukan analisis sistematik pelbagai sumber seperti buku, jurnal, akhbar, blog dan temu bual dengan responden adalah wajar.

## **Slogan 'Sabah for Sabahans'**

Sejarah penciptaan dan penggunaan slogan 'Sabah untuk Sabah' dalam politik Sabah sehingga kini masih lagi tidak jelas. Tidak ada petunjuk khusus tentang siapa sebenarnya yang mencipta konsep tersebut. Walau bagaimanapun, menurut persepsi yang dikongsi oleh kebanyakan rakyat Sabah, slogan itu menjadi slogan politik yang popular di Sabah sejak sebelum penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 lagi. Dalam hal ini, sejarah Sabah menunjukkan bahawa sebelum Sabah menyertai Persekutuan Malaysia, terdapat keraguan yang kuat dalam kalangan pemimpin awal di Sabah mengenai cadangan penubuhan Persekutuan Malaysia. Donald Stephens, khususnya, merupakan individu atau pemimpin awal Sabah yang bersikap dingin terhadap cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia kerana beranggapan bahawa pembentukan Malaysia sebenarnya merupakan satu bentuk penjajahan wilayah oleh pemimpin dari Tanah Malaya. Dalam surat terbukanya kepada Tunku, Donald Stephens berkata implikasi penyertaan Sabah dalam Persekutuan Malaysia "adalah untuk menyerahkan (diri kita) ke dalam kawalan (Malaya)" (Welman, 2011, ms 89; Kitingan, 2011, 16 September).

Stephens juga secara khusus menyatakan kebimbangan terhadap kemungkinan Borneo Utara menjadi koloni baru Malaya, apabila beliau menegaskan bahawa, "Borneo Utara masih belum bersedia untuk menyertai Malaysia dan menyertai Malaysia bermakna mengubah status Borneo Utara dari" koloni British "ke" jajahan Tanah Melayu". Selanjutnya, Stephens dengan tegas telah meminta Tunku untuk menarik balik hasratnya untuk menjadikan Borneo Utara menjadi negeri ke-14 dalam Persekutuan Malaysia. Beliau berkata, "hentikanlah keinginan untuk menjadikan Brunei negeri ke-12, Sarawak Negeri ke-13 dan Borneo Utara sebagai negeri ke-14 dalam Persekutuan Malaysia. Kami terus-terang tidak berminat" (Human Right Watch, 1991). Maka dengan kebimbangan seumpamanya kebanyakan pemimpin bukan Islam telah menentang pembentukan Persekutuan Malaysia. Sundang sebagai ketua UPMO turut yakin bahawa cadangan pembentukan Malaysia adalah tergesa-gesa. Beliau dengan itu telah mencadangkan supaya Borneo Utara diberikan taraf merdeka oleh British terlebih dahulu sebelum memasuki mana-mana persekutuan dengan mana-mana negara jirannya (Ongkili, 1989; Yusoff, 1999).

Bagi menangani kebimbangan pemimpin Sabah terhadap cadangan pembentukan Persekutuan Malaysia maka pihak British dan Malaya telah bersetuju untuk memasukkan memorandum 20 perkara ke dalam Perjanjian Malaysia dan Perlembagaan Persekutuan pada Disember 1962 (Kitingan, 1987). Memorandum ini (juga dikenali sebagai Perkara 20') telah dikemukakan oleh lima buah parti politik Sabah iaitu Pertubuhan Kadazan Negara Bersatu (UNKO), Pertubuhan Kebangsaan United Sabah (USNO), Parti Bersatu (UP), Parti Demokratik (DP) Pertubuhan Pasok Momogun Kebangsaan (Pasok). Ia ditulis oleh para pemimpin parti tersebut bagi memastikan kepentingan, hak dan autonomi rakyat Sabah sentiasa dilindungi selepas pembentukan persekutuan Malaysia. Di samping itu, memorandum tersebut juga menjadi suatu tuntutan rasmi supaya Sabah dijadikan salah satu daripada empat wilayah utama dalam Persekutuan Malaysia selain Malaya, Singapura dan Sarawak.

Walaupun kemasukan 20 perkara ke dalam Perlembagaan Malaysia masih tidak berupaya menghalang Sabah daripada kehilangan secara sistematis hak dan autonominya. Pembentukan Malaysia bukan sahaja menyaksikan penurunan taraf Sabah sebagai antara 14 buah negeri di dalam Persekutuan Malaysia, tetapi rakyat Sabah juga dipinggirkan secara ekonomik secara sistematis. Hal ini tidak dapat disangkal apabila pelaksanaan '*affirmative action policy*' di Sabah, seperti yang ditegaskan oleh bekas Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh, telah "lebih daripada 90 peratus daripada manfaat polisi diberi kepada etnik Melayu di Semenanjung Malaysia. Sangat sedikit yang diperuntukkan kepada Bumiputra

Muslim Sabah dan Sarawak, dan tidak ada diberikan kepada bumiputera bukan Islam" (Pendapat, 2010, 13 Jun). Ini telah mengakibatkan ketidakpuasan rakyat Sabah terhadap kerajaan persekutuan semakin meningkat. Ketidakpuasan ini dinyatakan melalui peningkatan populariti atau peningkatan jumlah penggunaan slogan 'Sabah for Sabahan' dalam kalangan penduduk Sabah. Sebagaimana menurut Kitab Fikir (8 Julai, 2018) slogan seumpamanya adalah manifestasi ketidakpuasan dalam kalangan rakyat Sabah terhadap kerajaan pusat yang berpangkalan di Putrajaya (Semenanjung Malaysia) yang mereka rasakan sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab melucutkan hak mereka sebagai warganegara Malaysia secara sistematik.

Sejak itu slogan 'Sabah for Sabah' telah menjadi slogan politik yang penting di Sabah, terutamanya semasa era Parti Bersatu Sabah (PBS) (Anti Fitnah Sabah, n.d). Walau bagaimanapun, pada masa ini, penggunaan slogan itu hanya berkaitan dengan masyarakat bumiputera bukan Islam sahaja. Tetapi pemecatan Safie Afdal dari UMNO pada 28 Julai 2015 menyaksikan Sabah, tanpa mengira kaumnya semakin berminat dengan slogan politik ini. Sebagaimana menurut Reporters FMT (7 Mei, 2017), slogan 'Sabah for Sabahan' telah semakin popular di Sabah berikutan perubahan dalam landskap politik yang menyaksikan naib presiden dan menteri UMNO Safie Apdal meninggalkan parti untuk membentuk Parti Warisan Sabah.

## **Peningkatan Kepentingan Ideologi Politik Berbilang Kaum di Sabah**

Penggunaan 'Sabah for Sabahan' sesungguhnya telah memberi peluang kepada kebangkitan ideologi politik berbilang kaum di Sabah. Ini kerana dengan penggunaan slogan tersebut maka penduduk Sabah mula melihat perpaduan dalam kalangan mereka dari pelbagai kumpulan etnik dalam satu parti politik sebagai sesuatu yang wajar. Kecenderungan penduduk Sabah menyokong perjuangan Parti Warisan atau parti tempatan dengan menggesa parti yang berpusat di Semenanjung Malaysia, terutamanya UMNO untuk meninggalkan Sabah menggambarkan keadaan sedemikian. Perkembangan ini menjadi pemula kepada proses pelemahan sokongan terhadap UMNO dan parti-parti sekutunya dalam kalangan kebanyakan rakyat Sabah.

Keputusan Safie Apdal dan Darrel Leiking untuk bekerjasama bagi membentuk Parti Warisan Sabah telah dianggap oleh rakyat Sabah sebagai manifestasi perpaduan politik antara penduduk Muslim dan bukan Muslim di Sabah. Idea itu akhirnya menjadi salah satu isu yang paling hangat dibincangkan di Sabah. Dalam hal ini, responden yang telah ditemu tanya biasanya mengakui keadaan ini. Sebagai contoh, seorang pemberi maklumat (lelaki Muslim yang berumur 48 tahun) menegaskan bahawa minat terhadap ideologi politik pelbagai kaum semakin meningkat dalam kalangan rakyat Sabah. Berdasarkan pengalaman sendiri, beliau berkata bahawa "kerjasama politik antara Safie dan Darrel sebagai satu cara untuk menyatukan pelbagai etnik Sabah akhirnya menjadi salah satu isu yang paling hangat dibincangkan kerana, seperti saya, kebanyakan rakyat Sabah tidak berpuas hati dengan parti berasaskan etnik dan oleh itu mereka ingin menyatakan kekecewaan mereka terhadap kerajaan Sabah dan kerajaan persekutuan yang dipimpin UMNO melalui sokongan terhadap Parti Warisan dan sekutunya".

Sejajar dengan kekecewaan mereka dengan kerajaan pimpinan UMNO di peringkat negeri dan persekutuan, beberapa responden bahkan menjelaskan bahawa UMNO perlu meninggalkan Sabah dan memberi tumpuan kepada Semenanjung Malaysia sahaja. Seorang responden (lelaki bukan Islam berumur 53 tahun), sebagai contoh, berpendapat bahawa rakyat Sabah benar-benar berminat memastikan UMNO meninggalkan Sabah. Pada masa yang sama, beliau juga menegaskan bahawa perkembangan pengaruh politik UMNO yang berpaksikan politik perkauman telah menjadi faktor utama yang memacu kepada peningkatan aktiviti yang berkaitan dengan manipulasi jurang etnik dalam kalangan ahli-ahli politik di Sabah. Beliau berkata, "pengukuhan aktiviti berkaitan manipulasi etnik dalam kalangan ahli politik di Sabah adalah akibat daripada langkah pemimpin persekutuan untuk menubuhkan cawangan UMNO di Sabah iaitu UMNO Sabah. Walaupun pemimpin UMNO-BN (Barisan Nasional) kerap kali menyifatkan BN sebagai gabungan politik yang telah bekerja keras untuk membangunkan Sabah dan bukannya gabungan parti politik yang berpaksikan etnik, majoriti penduduk Sabah terdorong kuat untuk menyokong parti politik pelbagai kaum yang baru terbentuk iaitu Parti Warisan".

Berikutnya peningkatan minat dalam kalangan rakyat Sabah untuk tidak lagi menyokong UMNO-BN tetapi mengalah sokongan kepada Parti Warisan, Pilihan Raya Umum Ke-14 (GE 14) menyaksikan jatuhnya populariti UMNO-BN di Sabah. Kemerosotan bilangan kerusi yang diperoleh oleh UMNO-BN dalam PRU14 berbanding dengan jumlah kerusi yang dimenangi oleh pakatan pada Pilihan Raya Umum ke 13 (GE 13) di Sabah menggambarkan fenomena tersebut. Dalam PRU13, UMNO-BN telah Berjaya memperoleh majoriti yang lebih besar dengan memenangi 22 daripada 25 kerusi parlimen serta memenangi 48 daripada 60 kerusi DUN di Sabah. Sementara pihak lawan pula telah memperoleh 3 kerusi parlimen dan 12 kerusi di peringkat negeri di Sabah. Namun demikian, dalam PRU14, UMNO-BN hanya Berjaya memperoleh 10 daripada 25 kerusi Parlimen dan 29 dari 60 kerusi DUN. Hal ini, sebagaimana yang dijelaskan oleh responden yang telah ditemu Tanya (wanita Muslim yang berumur 47 tahun) adalah akibat daripada peningkatan pengaruh politik tempatan yang ditubuhkan berdasarkan ideologi politik pelbagai kaum iaitu parti Warisan dan sekutunya. Kemerosotan bilangan kerusi di peringkat negeri yang diperoleh oleh UMNO-BN di Sabah selepas itu membolehkan seorang Ketua Menteri Sabah yang baru iaitu Safie Apdal dari parti Warisan mengangkat sumpah.

Malahan, apabila ditanya mengenai sebab mengapa mereka mengundi Warisan dan parti gabungannya seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan Parti Tindakan Demokratik (DAP), rakyat Sabah cenderung untuk menegaskan bahawa mereka sebenarnya amat berminat dengan idea untuk memastikan UMNO meninggalkan Sabah dan menumpukan perhatian kepada politik di Semenanjung Malaysia Sabah. Bagi menjelaskan hal ini seorang responden wanita bukan Muslim (41 tahun) bagi kajian ini berkata, "seperti saya, kebanyakan rakyat Sabah telah mengundi gabungan Warisan-PKR-DAP pada PRU14 kerana mereka mahu memastikan UMNO akan meninggalkan Sabah supaya kuasa politik bagi negeri ini tidak lagi di bawah kawalan pemimpin persekutuan yang berpusat di Semenanjung Malaysia. Langkah sedemikian penting dalam proses melemahkan aktiviti mempolitikkan perbezaan kaum dalam kalangan pemimpin UMNO-BN di negeri ini".

Hujah tersebut sangat menggambarkan betapa tidak senangnya rakyat Sabah dengan politik perkauman dalam kalangan ahli politik kerana mereka menjadi semakin berminat dengan ideologi politik pelbagai kaum. Maka dengan itu tidak hairanlah apabila sejurus selepas mengambil alih tumpuk kepimpinan kerajaan negeri, Safie Apdal telah menggesa rakyat Sabah untuk terus komited dalam usaha mengekalkan keharmonian. Beliau berkata, "kita tidak mahu etnosentrisme dan budaya perkauman menular dalam kalangan rakyat Sabah kerana ianya boleh menjelaskan hubungan antara kaum. Sabah terdiri daripada pelbagai etnik dan agama yang sememangnya merupakan harta yang unik dan berharga yang perlu dilestarikan untuk generasi yang akan dating. Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga dan menghormati kepelbagaian yang ada di negeri ini" (Bernama, 25 Ogos, 2018).

Seruan sedemikian seruan yang digunakan oleh parti Warisan sepanjang PRU14 kerana ianya merupakan seruan politik yang menarik para pengundi di Sabah untuk bernaung serta menyokong sebuah parti politik yang berpaksikan kepelbagaian. Sesungguhnya, PRU14 telah menampakkan betapa memang suatu hakikat bahawa selepas hampir satu tahun menerajui Parti Warisan, Safie telah semakin berjaya memenangi sokongan pelbagai kumpulan etnik di Sabah. Ini adalah fenomena yang tidak berlaku semasa era UMNO-BN. Berdasarkan sejarah politik Sabah, adalah didapati bahawa kali terakhir rakyat dari kumpulan etnik berbeza bernaung di bawah satu bumbung parti politik adalah pada pilihan raya umum yang diadakan pada tahun 1985, sesi pilihan raya yang mana Parti Bersatu Sabah (PBS) yang diketuai oleh Joseph Pairin Kitingan telah Berjaya mengalahkan BERJAYA (Shairi & Santos, 12 Oktober 2017). Dalam erti kata yang lain, fenomena yang sama juga telah berlaku pada PRU14. Sekalipun semangat dalam kalangan rakyat Sabah untuk memastikan berlaku penggantian parti politik yang memerintah pada PRU14 adalah masih kurang berbanding semangat yang ditunjukkan oleh rakyat pada pilihan raya tahun 1985, bolehlah dikatakan bahawa ideologi politik pelbagai kaum sekali lagi telah menunjukkan pengaruhnya dalam menentukan keputusan pilihan raya di Sabah. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa masih tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti manipulasi etnik untuk tujuan survival politik dalam kalangan ahli politik tempatan masih lagi berleluasa di Sabah.

## Rumusan

Artikel ini telah mengetengahkan perbincangan tentang kebangkitan ideologi politik berbilang kaum di Sabah berikutan penggunaan slogan politik iaitu ‘Sabah for Sabahan’. Sebagaimana yang dijelaskan dalam makalah ini, Sabah telah bergelut dengan peningkatan perpecahan penduduk berasakan kaum disebabkan manipulasi politik berasakan kaum dalam kalangan ahli politik sama ada di peringkat persekutuan maupun tempatan. Namun, krisis politik di Sabah dan di peringkat kerajaan persekutuan, khususnya krisis politik di UMNO, telah memberi ruang kepada para ahli politik tempatan untuk memberi tumpuan kepada politik Sabah melalui penggunaan slogan politik yang sememangnya telah lama digunakan dalam politik Sabah iaitu slogan ‘Sabah for Sabahan’. Slogan tersebut telah menimbulkan minat dalam kalangan rakyat Sabah tanpa mengira label etnik untuk memberi tumpuan lebih kepada usaha menuntut hak politik Sabah dan isu-isu berkaitan autonomi politik Sabah yang mereka rasakan telah dilucutkan secara sistematik oleh kerajaan persekutuan sejak sekian lama.

Akibatnya, mereka mula berminat dengan persefahaman antara kaum dalam satu parti politik khusus dan percaya bahawa mereka perlu bersatu sebagai untuk menentang kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan yang diterajui UMNO. Langkah sedemikian adalah penggerak utama kepada peningkatan kepentingan konsep ‘Sabahan’ dan bukannya rakyat Sabah dari kaum tertentu di Sabah. Ini menjadikan ideologi politik berbilang kaum di Sabah semakin diminati oleh kebanyakan rakyat Sabah. Tidak dapat dinafikan bahawa perpecahan etnik masih berpengaruh dalam politik Sabah tetapi rakyat Sabah semakin memahami hakikat bahawa mempolitikkan perbezaan etnik hanya akan membawa kepada apa yang disebut oleh Nay (2013) dan Patrick (2007) “failed state”. Oleh yang demikian, minat yang semakin meningkat terhadap ideologi politik berbilang kaum menjadi suatu fenomena baru yang semakin berkembang di Sabah. Justeru, memandangkan fenomena ini adalah hasil daripada penggunaan slogan “Sabah for Sabahan”, maka jelas bahawa slogan tersebut wajar dianggap sebagai salah satu faktor penting dalam proses perkembangan atau juga kebangkitan semula ideologi politik berbilang etnik di Sabah. Ini menunjukkan bahawa perubahan ciri politik dalam masyarakat yang dicirikan oleh kepelbagaiannya boleh dilakukan melalui penciptaan dan penggunaan meluas slogan politik khusus yang sangat signifikan dengan kehendak serta keperluan semasa penduduk dalam sesebuah unit pentadbiran seperti kampung, bandar dan negara.

## Penghargaan

Artikel ini dihasilkan berdasarkan penyelidikan menggunakan geran penyelidikan SBK0408-2018.

## Rujukan

- Appell, G.N., & Harrison, R. (1968). Ethnographic profiles of the Dusun-speaking Peoples of Sabah, Malaysia. *Journal of Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 41(2), 131-147.
- Barlocco, F. (2014). *Identity and the state in Sabah*. New York, NY: Routledge, Taylor and Francis Group.
- Bernama, August 25th, 2018). Rakyat perlu komited jaga keharmonian – Safie Apdal. Astro Awani. Available Online: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rakyat-perlu-komited-jaga-keharmonian-mohd-shafie-183886>
- Boulanger, C.L. (2009). *A sleeping tiger: Ethnicity, class and new Dayak dreams in urban Sarawak*. Lanham, MD: University Press of America.
- Chee-Beng, T. (1997). *Ethnic groups, ethnogenesis and ethnic identities: Some examples from Malaysia*. Shatin, Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong.
- Department of Statistics Malaysia. (2015). Population and housing census of Malaysia 2010. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Glyn-Jones, M. (1953). *The Dusun of the Penampang plains in North Borneo*. London, England: The Colonial Social Science Research Council.
- Harrisson, T. (1975). The Bajau: their origin and the wide importance. *Sabah Society Journal*, 6, 38-41.

- Human Right Watch (1991). *Abdication of responsibility: The commonwealth and human rights*. New York, NY: Human Right Watch.
- Husung, A. (2016). *Idealised Paradise? Leadership in international volunteer organisations in the sustainable development process*. Unpublished Master's Thesis, Linnaeus University, Kalmar Vaxjo, Sweeden.
- IWGIA. (2016). The Indigenous World 2016. Copenhagen, Denmark: International Work Group for Indigenous Affairs.
- Kitingan, J.G. (1987). The 20 Points: Basis for federal-state relations for Sabah. Kota Kinabalu, Sabah: Jeffry Gapari Kitingan.
- Kitingan, J. (2011, September 16). Sept. 16 is a black day for Sabah. FMT News. Retrieved from <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2011/09/16/sept-16-is-a-black-day-for-sabah/>
- Luping, H.J. (1985). *The Kadazans and Sabah politics* (Unpublished PhD thesis). Victoria University of Wellington, Wellington, New Zealand.
- Mohd. Sohaimi, E. & Romzi, A. (2020a). Menyingkap Peristiwa Penyingkiran Singapura dari Malaysia (1963-1965). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 217-229.
- Mohd. Sohaimi, E. & Romzi, A. (2020b). Reaksi Penduduk Sabah Terhadap Pembentukan Malaysia: Suatu Perbandingan Dulu dan Kini. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 123-130.
- Mohd Sohaimi Esa & Romzi Ationg (2020c). Majlis Gerakan Negara (MAGERAN): Usaha Memulihkan Semula Keamanan Negara Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 170-178.
- Mohd Sohaimi Esa (2011). Sumbangan Tun Abdul Razak dalam membina hubungan Malaysia-Indonesia. *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya*, 11, 397-216.
- Nay, O. (2013). Fragile and Failed States: Critical Perspectives on Conceptual Hybrids. *International Political Science Review*, 34(3), 326-341.
- Nimmo, H.A. (1968). Reflections on Bajau history. *Philippine Studies*, 16(1), 32-59.
- Ongkili, J.F. (1989). Political development in Sabah, 1963-1988. In J.G. Kitingan, & M.J. Ongkili (Eds.), Sabah: 25 years later (pp. 61-80). Kota Kinabalu, Sabah: Institute for Development Studies (Sabah).
- Opinion. (2010, June 13). NEP failure is due to greed. Daily Express. Retrieved from <http://www.dailyexpress.com.my/read.cfm?NewsID=376>
- Patrick, S. (2007). Failed States and global security: Empirical questions and policy dilemmas. *International Studies Review*, 9(4), 644-622.
- Reid, A. (1997). Endangered identity: Kadazan or Dusun in Sabah (East Malaysia). *Journal of Southeast Asian Studies*, 28(1), 120-136.
- Robinson, D., Karlin, A., & Stiles, P. (2013). Lonely planet Borneo (travel guide). Hawthorn, Melbourne, Australia: Lonely Planet Publications.
- Romzi Ationg, Mohd Azri Ibrahim, Mohd Sohaimi Esa & Madiyem Layapan (2020). Analisis Pola Pengundian dan Senario Politik Semasa di Malaysia Era Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14 Berdasarkan Pilihan Raya Kecil P186 Sandakan, Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(5), 60-71.
- Sandelowski, M. (2000). Focus on research methods combining qualitative and quantitative sampling, data collection, and analysis techniques in mixed-method studies. *Research in Nursing & Health*, 23, 246-255.
- Scott, J.C. (2009). The art of being governed: An anarchist history of upland Southeast Asia. New Haven, CT: Yale University Press.
- Shairi, N.A. & Santos, J. (October 12th, 2017). Warisan wins over Sabah, one ethnic group at a time. The Malaysian Insight. Available Online: <https://www.themalaysianinsight.com/s/18192/>
- Stephen, J. (2000). The value of ethnic labels in relations to the ethnic identity in Sabah: The case of the Kadazandusuns. In Leigh, M. (Ed.), Borneo 2000: Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference, 10th – 14th July (pp. 1-22). Kuching, Sarawak: Institute of East Asian Studies (ISEAS), University Malaysia Sarawak.

- Tajfel, H., & Turner, J.C. (1979). An integrative theory of intergroup conflict. In W.G. Austin, & S. Worcher (Eds.), *The social psychology of intergroup relations* (pp. 33-47). Monterey, CA: Brooks-Cole.
- Tarmudi, Z., Saibin, T.C., Naharu, N., & Tamsin, N.W.D. (2014). Tourist arrivals to Sabah by using fuzzy forecasting. Paper presented at 4th International Conference on Tourism Research (4ICTR), held at Kota Kinabalu, Sabah, 9-11 December.
- The FMT Reporters (May 7th, 2017). Don't be fooled by 'Sabah for Sabahans' slogan, says Najib. FMT NEWS. Available Online: <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/05/07/dont-be-fooled-by-sabah-for-sabahans-slogan-says-najib/>
- The Times. (1927, November 24). Sir Alfred Dent. The Times. p. 1.
- Warren, C. (1983). Ideology, identity and change: The experience of the Bajau Laut of East Malaysia, 1960-1975. Southeast Asian Monograph Series (No. 14). Townsville, Qld.: James Cook University of North Queensland.
- Warren, J.F. (1981). *The Sulu zone 1768-1898*. Singapore: Singapore University Press.
- Welman, F. (2011). Borneo trilogy (Heart of darkness open) – Volume 2; Sabah. Retrieved from [www.booksmango.com](http://www.booksmango.com).
- Yusoff, M.A. (1999). The politics of centre-state conflict: The Sabah experience under the ruling Sabah Alliance (1963-1976). *JEBAT*, 26, 1-25.